

UUM ONLINE: Pesta Tanglung yang dianjurkan oleh Majlis Perwakilan Pelajar (MPP), Universiti Utara Malaysia (UUM) berjaya mengeratkan hubungan antara kaum di kampus ini.

Lebih 3,500 pelajar terdiri dari pelbagai kaum dan pelajar antarabangsa hadir untuk memeriahkan majlis itu yang turut disajikan dengan persembahan kebudayaan pelbagai kaum di negara ini.

Ahli Dewan Undangan Negeri Gurun, Dr. Leong Yong Kong merasmikan Pesta Tanglung yang diadakan di Dewan Muadzam Shah UUM malam tadi.

Beliau ketika berucap merasmikan program itu melahirkan rasa bangga dengan MPP UUM kerana bukan sahaja berjaya menganjurkannya malah dapat menyalurkan sumbangan RM1,000.00 kepada Pertubuhan Kebajikan Permata Tersayang Alor Setar.

Katanya, program ini juga menunjukkan siswa UUM berjaya melaksana dan menghayati Gagasan 1Malaysia seperti kehendak Perdana Menteri Dato' Seri Mohd Najib Tun Razak.

Sementara itu Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi), Prof. Dr. Abdul Razak Saleh dalam ucapan aluannya berharap siswa akan meneruskan program yang dapat mengeratkan hubungan antara kaum dan saling bekerjasama antara satu sama lain.

"Penyertaan pelajar dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Malaysia Perlis (UNIMAP), Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Sains Malaysia (USM) dan Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) menunjukkan program yang menggambarkan kepelbagaian kaum ini menjadi kekuatan dalam pembinaan bangsa," katanya lagi.

Dalam pada itu, Pengarah Projek, Law Zhi Jing berkata, penganjuran program seperti ini menunjukkan mereka bukan sahaja memberi tumpuan dalam bidang akademik malah memainkan peranan untuk membentuk generasi mahasiwa yang lebih matang dan berdaing saing.

"Program seperti ini melatih kami untuk mahir dalam kemahiran generik di samping sebagai pelengkap kepada kitaran pendidikan yang melibatkan domain kognitif, efektif dan psikomotor yang merupakan wadah bagi pembinaan jasmani, emosi dan rohani seperti yang ditekankan oleh Menteri Pengajian Tinggi," ujar lagi.

Bagi kalangan mahasiswa yanag hadir di majlis itu pula program seperti ini dapat memberi gambaran mengenai budaya kaum yang terdapat di negara ini.

Oyuke Lightness, 29, pelajar UUM daripada Tanzania berkata, persembahan kebudayaan dan penyertaan pelbagai kaum menunjukkan keharmonian rakyat di Malaysia.

Manakala, Abdul Kadir Abdullah, 23, daripada Somalia pula berharap lebih banyak akitviti seperti ini diadakan bagi memberi ruang kepada mereka untuk mengenali Malaysia dengan lebih dekat lagi.

"Persembahan yang dijayakan oleh pelajar dari pelbagai kaum juga dilihat keakraban dalam kalangan pelajar kampus ini," kata Sartika Noer Syafrizal.

Manakala, rakannya, Nur Izzah Othman, 22, berkata kehadirannya untuk menyaksikan pesta tanglung ini adalah kerana ingin mengetahui budaya kaum Cina.

Habis.

=====

DARIPADA:
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT